

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 10.6.2015

SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional bajet Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dikurangkan daripada RM510 juta pada tahun 2014 kepada RM387 juta pada tahun 2015. Apakah kategori-kategori atau butiran-butiran yang mengalami penurunan mendadak ini secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM492 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM407 juta adalah sumbangan kerajaan dan baki sebanyak RM85 juta ditampung dari sumber dalaman dan baki rezab tahun 2014. Pemotongan bajet PPUM adalah ekoran daripada rasionalisasi peruntukan mengurus Kementerian Kewangan yang keseluruhannya berjumlah RM5.5 bilion dan melibatkan pelbagai Kementerian dan Jabatan.

Dalam hal ini, peruntukan mengurus PPUM telah dijajarkan semula dan berkurang sebanyak RM20.27 juta sahaja. Pada tahun 2015 pula, Kementerian Pendidikan telah menyalurkan peruntukan tambahan berjumlah RM35 juta kepada PPUM. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan tambah peruntukan tersebut adalah melebihi daripada jumlah yang terkurang akibat rasionalisasi bajet mengurus oleh Kerajaan.

RJM79